

Majlis Gema

Zikir & Qasidah

& Maulana

Shaykh Muhammad Hisham Kabbani



13 Jumaat
15 Sya'ban 1435H
JUN 2014

Dewan Besar Sultan Abdul Halim
KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
Alor Setar, Kedah Darul Aman

Aturcara Majlis 7.00-11.00 Malam

- ✓ Solat Maghrib Berjemaah
- ✓ Majlis Gema Zikir
- ✓ Ketibaan Maulana Shaykh Muhammad Hisham Kabbani
- ✓ Ucapan Pengerusi
- ✓ Alunan Qasidah
- ✓ Tausiyah Oleh
- ✓ Sambung Alunan Qasidah
- ✓ Tawidwah Perdana Oleh

13 Jumaat
15 Sya'ban 1435H
JUN 2014
Dewan Besar Sultan Abdul Halim
Kolej Universiti Insaniah
Alor Setar, Kedah Darul Aman

Poster program zikir dan qasidah dijadual pada Jumaat depan.

Tarik kebenaran guna premis anjur program

ALOR SETAR - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) menarik balik kelulusan membenarkan Dewan Besar Sultan Abdul Halim di kolej itu, digunakan bagi penganjuran program Majlis Gema Zikir & Qasidah bersama Maulana Shaykh Muhammad Hisham Kabbani.

Rektornya, Prof Datuk Dr Mohd Yusof Kasim berkata, ini kerana setelah pihaknya merujuk kepada Jabatan Mufti Negeri Kedah, Shaykh Muhammad Hisham dikaitkan dengan ajaran tarekat Naqsyabandiah, yang disahkan sesat.

"Kuin tidak terlibat dalam penganjuran program itu, kita hanya menyediakan tempat untuk disewa pihak penganjur, mereka yang memohon. Namun, setelah disahkan ada kaitan ajaran sesat, kita batalkan kebenaran menggunakan premis Kuin," katanya.

Menurutnya, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana penganjur yang membawa ajaran sesat kerana ia bertentangan dengan ajaran Sunnah Wal Jamaah, selain menjejaskan akidah umat Islam.

Mengulas promosi program itu yang disebarkan pihak penganjur melalui laman sosial di mana tertera lokasi program diadakan di Kuin pada 13 Jun ini, Mohd Yusof berkata, pihaknya akan menghantar surat rasmi memaklumkan pembatalan penggunaan premis Kuin kepada penganjur dengan segera.

"Saya harap bahan promosi yang tertera nama Kuin sebagai lokasi program dibatalkan dan tidak lagi diedar selepas mereka tidak dibenarkan menggunakan dewan itu," katanya.